

Submission date: 15 Oktober 2023 Acceptance date: 20 November 2023 Available Online: 31 Disember 2023

SEJARAH PERKEMBANGAN DAN ISU PENTADBIRAN PENDAFTARAN SAUDARA BARU DI MALAYSIA: KAJIAN DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

THE DEVELOPMENT HISTORY AND ISSUES ON THE ADMINISTRATION OF NEW MUSLIM REGISTRATION IN MALAYSIA: A STUDY AT SELANGOR ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL

^{1*}Sharifah Hayaati binti Syed Ismail al-Qudsy
²Nurhidayah binti Mohamed Hamidi

¹⁻²Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: ^{1*} sashsiaq@um.edu.my

DOI : <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v3.166>

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan sejarah perkembangan pentadbiran pendaftaran saudara baru (SB) di Malaysia dengan tumpuan kepada isu semasa berkaitan proses pentadbiran pendaftaran pengislaman (PPI) SB. Ini adalah rentetan daripada pelbagai isu pentadbiran SB yang sering timbul setiap tahun boleh mencatitkan imej pentadbiran agensi Islam. Justeru, kajian ini meneliti tiga aspek utama PPI iaitu Standard Operasi Prosedur (SOP), pemantauan dan penyelarasan di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Isu-isu SB pula akan dianalisis berdasarkan kepada lima elemen yang terdapat dalam sistem PPI saudara baru iaitu SOP pendaftaran masuk Islam (SOP-PMaI), SOP permohonan meninggalkan Islam (SOP-PMeI), pemantauan pendaftaran masuk Islam (PPMaI), pemantauan permohonan meninggalkan Islam (PPMeI) dan penyelarasan pentadbiran pendaftaran saudara baru (PPP-SB). Tujuan penganalisaan adalah untuk mengenalpasti masalah dan faktor yang menyebabkan isu berkaitan dengan pentadbiran pendaftaran pengislaman (PPI) saudara baru. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metod temubual, perpustakaan dan dokumentasi. Data tersebut dianalisis menggunakan metod tematik. Hasil kajian mendapati bahawa isu berkaitan SB timbul disebabkan oleh enam aspek dalam proses PPI saudara baru. Iaitu isu proses dan prosedur yang berbeza, kerahsiaan memeluk Islam, pendaftaran tidak disempurnakan mengikut prosedur, pendaftaran tidak menepati kehendak prosedur, tiada pemantauan yang rapi dan pengesahan pendaftaran pengislaman.

Manakala faktor yang menyebabkan kepada enam aspek berkaitan komplikasi pentadbiran yang telah dikenalpasti adalah kerana borang pendaftaran yang tidak lengkap, keengganan meminda status agama pada kad pengenalan, ketidakcaknaan terhadap dokumen sokongan yang diperlukan dan sistem pendaftaran yang tidak sistematik. Penulis mencadangkan dua kaedah penyelesaian terhadap isu PPI-SB tersebut. Pertama, melalui usaha jangka panjang iaitu penggunaan sistem pendaftaran sepenuhnya secara dalam talian dan kedua penyediaan dokumen sokongan yang mencukupi.

Kata kunci: saudara baru, pendaftaran masuk Islam, permohonan meninggalkan Islam, pentadbiran, agensi Islam.

ABSTRACT

This study discusses the development history of the new muslim (NM) administration in Malaysia with focus on current issues related to the NM registration administration process for Muslim convert (RAPMC). This is the string from various administrative issues that often arise on NM each year disfigures the image of Islamic agencies administration. As such, this study examines three main aspects, namely, the Standard Operating procedures (SOPs), monitoring and coordination of the RAPMC at the Selangor Islamic Religious Council (MAIS). The NM issues will be analysed based on the five elements of the RAPMC i.e., SOP for registration to Islam (SOP-RI), SOP for leaving Islam application (SOP-LIA), monitoring registration to Islam (M-RI), monitoring for leaving Islam application (M-LIA) and administrative coordination of NM registration (AC-NMR). The purpose of the analysis is to identify problems and factors that cause to new muslim registration (NMR) issues. The study is conducted by using interviews, library and documentation methods and the data is analyzed using the method of thematic. The study found that various NM issues arise are due to six complication aspects in the process of RAPMC. They are due to the issue of different processes and procedures, confidentiality converted to Islam, incomplete registration, registration does not meet the procedure requirements and no rigorous monitoring and confirmation for registration to Islam. While the factors that caused to six aspects of administrative complications are due to incomplete registration form, refusal to amend the status of religion on identity card, disregard the need of support documents and the registration process is not systematic. The authors propose two solutions for RAPMC. That is through the long term efforts. Firstly through the implementation of fully online registration system and secondly by providing adequate supporting documents during registration.

Keywords: New muslim, admission to Islam registration, apostasy application, administration, Muslim agency.

PENDAHULUAN

Kemunculan isu-isu semasa yang berkaitan dengan saudara baru (SB) dewasa ini mendesak sistem pendaftaran pengislaman (PPI) saudara baru ditambahbaik dari masa ke masa. Sejarah perkembangan pentadbiran pendaftaran juga telah menunjukkan hal yang demikian apabila pentadbiran pendaftaran saudara baru di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui fasa perkembangan, penambahbaikan dan pembaharuan yang berperingkat sejak pendaftaran mula direkodkan. Penambahbaikan menerusi sistem pendaftaran saudara baru dilakukan secara berperingkat merangkumi tiga aspek yang terdapat di dalam sistem pendaftaran tersebut. Pertama, penambahbaikan terhadap Standard Operasi Prosedur (SOP) pendaftaran masuk (SOP-PMaI) dan permohonan meninggalkan Islam (SOP-PMeI). Kedua, penambahbaikan terhadap pemantauan pendaftaran masuk Islam (PPMaI) dan permohonan meninggalkan Islam (PPMeI). Ketiga, penambahbaikan terhadap penyelarasan sistem pendaftaran saudara baru (PPP-SB).

Sejarah Perkembangan Pentadbiran Pendaftaran Saudara Baru (PP-SB) di MAIS

Pada tahun 1970an dan sebelumnya, pendaftaran saudara baru di negeri Selangor telah mula direkodkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ketika itu, unit saudara baru berada di bawah pengurusan Bahagian Qariah iaitu masjid. Pada tahun 1980 sehingga 2004, unit saudara baru tidak lagi ditadbir oleh Bahagian Qariah. Ia seterusnya diserap dan diuruskan oleh Bahagian Dakwah JAIS. Sepanjang tempoh ini, berlaku beberapa penjenamaan semula terhadap unit saudara baru ini seperti Unit Muallaf, Unit Ukhuwah dan Unit Dakwah Saudara Kita.

Rentetan itu, pada tahun 2005 pentadbiran unit saudara baru di JAIS mula diambilalih oleh MAIS. Segala hal ehwal pentadbiran saudara baru yang merangkumi urusan pendaftaran, pendidikan dan kebajikan tidak lagi dikelolakan oleh JAIS. Lantaran itu, MAIS bertindak memperkasakan entitinya yang sebelum ini hanya menguruskan pentadbiran Baitul Mal dan berkuasa sebagai pembuat dasar berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran Islam negeri Selangor.

Berkuatkuasa pada 1 April 2017, skop pentadbiran saudara baru di MAIS diperkecilkan. Sehubungan dengan itu, MAIS hanya menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan pendaftaran saudara baru sahaja. Manakala hal ehwal yang berkaitan dengan pendidikan dan kebajikan saudara baru diserahkan pentadbirannya kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) ekoran saudara baru merupakan salah satu daripada asnaf penerima zakat. Maka, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf MAIS sebelum ini dijenamakan pada hari ini sebagai Bahagian Pendaftaran Muallaf MAIS di bahagian Sektor Pembangunan Sosial MAIS berikutan daripada pengecilan bidang tugas tersebut.

Berkenaan dengan proses pengurusan pendaftaran saudara baru, sehingga tahun 2004 atau sebelum pentadbiran saudara baru diambil alih oleh MAIS, sistem pengurusannya adalah kurang sistematik. Hal ini kerana, borang pengislaman hanya dikepilkan dalam satu-satu fail dan tidak dijaga dengan selamat. Lebih malang lagi, berlaku kehilangan terhadap sebahagian borang dan koyak lantaran tidak mempunyai sistem yang tersusun. Di samping itu, bilangan saudara baru juga tidak dikodkan dengan sistematik mengikut 9 daerah di negeri Selangor.

Selepas MAIS mengambil alih hal ehwal pentadbiran saudara baru, masalah tersebut dapat diatasi satu per satu. Hal yang demikian kerana, borang pendaftaran dan sistem daftar muallaf melalui proses pengemaskinian mengikut kehendak semasa selari dengan perkembangan pentadbiran saudara baru di MAIS.

Sehingga kini, borang pendaftaran yang telah dikemaskini sejak tahun 2009 adalah lengkap dan menepati spesifikasi yang diperlukan seperti mengandungi cap jari saudara baru, penambahan maklumat peribadi, syarat-syarat saksi dan dokumen sokongan yang dikepilkan bertindak sebagai bukti pemeluk Islam yang sah di sisi undang-undang.

Manakala daripada aspek daftar muallaf pula, MAIS membangunkan sistem penyimpanan data-data saudara baru yang dinamakan sebagai sistem *IMuallaf*. Sistem ini bersifat seragam dengan LZS. Ringkasnya, semua maklumat saudara baru yang berdaftar secara sah boleh diakses oleh pihak LZS memandangkan hal ehwal yang berkaitan dengan pendidikan dan kebajikan saudara baru adalah di bawah pengurusan LZS.

Maka, sejarah perkembangan yang berlaku dalam hal ehwal pentadbiran pendaftaran menunjukkan bahawa sistem pendaftaran saudara baru memerlukan pembaharuan dan penambahbaikan yang lebih lestari dari masa ke masa bagi mendepani isu dan kontroversi yang kompleks berkaitan saudara baru.

Kemunculan Isu-isu Saudara Baru yang Berkaitan dengan Pentadbiran Pendaftaran

Sepanjang tahun 2000 hingga 2015, pelbagai isu yang berkaitan dengan pentadbiran pendaftaran saudara baru muncul ekoran kelemahan pengaplikasian sistem pendaftaran saudara baru. Sepanjang tempoh itu juga pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan oleh MAIS bagi melestarikan pengaplikasian sistem tersebut.

Perkara ini menunjukkan bahawa sejarah perkembangan pentadbiran pendaftaran saudara baru dan isu semasa saudara baru adalah saling berkaitan. Hal ini jelas dilihat apabila MAIS melakukan penambahbaikan dalam sistem pendaftaran saudara baru ketika isu semasa yang berkaitan dengan pendaftaran timbul dalam kalangan saudara baru. Penambahbaikan yang dilakukan bertujuan untuk menyelesaikan isu tersebut sekaligus mengekang isu-isu seumpama itu untuk terus berlarutan pada masa akan datang.

Isu semasa yang berkaitan dengan pendaftaran saudara baru terbahagi kepada dua. Hal yang demikian kerana, pendaftaran yang dimaksudkan dalam penulisan ini terbahagi kepada dua jenis pendaftaran. Pendaftaran pertama adalah pendaftaran masuk Islam. Manakala pendaftaran kedua ialah permohonan meninggalkan Islam. Isu yang berkaitan dengan keluar Islam tidak disebut sebagai pendaftaran keluar Islam, tetapi ianya disebut sebagai permohonan meninggalkan Islam menerusi kajian ini.

Isu semasa yang pertama adalah isu berkaitan dengan pendaftaran masuk Islam. Manakala isu semasa kedua pula merupakan isu berkaitan dengan permohonan meninggalkan Islam.

a) Isu semasa berkaitan dengan pendaftaran masuk Islam

Setelah penelitian dilakukan terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan saudara baru sepanjang tahun 2000 hingga 2015, berikut merupakan enam isu semasa yang berbangkit disebabkan oleh permasalahan yang terdapat dalam pentadbiran pendaftaran masuk Islam (PPMaI) (Sharifah Hayaati, 2018:21-46).

Pertama: Isu Penentuan Status Agama si Mati.

Isu ini berlaku apabila timbul keraguan sama ada si mati adalah seorang yang beragama Islam atau tidak pada hari kematiannya. Maka, penentuan status agama akan dilakukan supaya jenazah boleh diuruskan mengikut agama yang dianuti oleh si mati. Selain itu, isu ini boleh membawa kepada berlakunya perebutan jenazah si mati.

Isu ini telah berlaku di MAIS apabila keluarga si mati menuntut jenazah si mati untuk diuruskan mengikut upacara agama lama si mati. Namun, status agama si mati dapat dibuktikan sebagai seorang Islam melalui rekod pendaftaran masuk Islam MAIS. Oleh yang demikian, tidak berlaku isu perebutan jenazah sehingga melibatkan pihak berkuasa di antara keluarga si mati dan pihak MAIS.

Isu yang boleh dipadankan dengan isu ini adalah isu penentuan status agama Nyonya bt Tahir. Menerusi isu ini, si mati diputuskan sebagai seorang yang menganuti agama Buddha pada hari kematiannya walaupun dilahirkan sebagai seorang Islam dan mempunyai status Islam pada kad pengenalnya. Maka, si mati dibenarkan untuk dikebumikan mengikut upacara keagamaan Buddha (Halimahton Shaari, 2006: 1-2).

Kedua: Isu Perebutan Jenazah

Isu perebutan jenazah merupakan rentetan daripada isu penentuan status agama si mati. Hal yang demikian kerana, keluarga si mati tidak bersetuju apabila agama si mati ditentukan sebagai Islam pada hari kematiannya. Tambahan pula, mereka tidak mengetahui si mati telah mendaftarkan pengislaman secara sah di jabatan agama Islam. Justeru, pendaftaran pengislaman dipertikaikan sehingga membawa kepada perebutan jenazah saudara baru.

Pengalaman MAIS dalam mendepani isu ini apabila perebutan berlaku sebelum jenazah saudara baru sempat dikebumikan. Hal ini boleh dilihat melalui isu perebutan jenazah di antara MAIS dan keluarga Mohan Singh. Si mati yang meninggal dunia di negeri Selangor telah memeluk Islam di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) melalui prosedur yang sah kerana rekod pengislaman si mati terdapat dalam daftar muallaf di JHEAIPP. Perebutan berlaku apabila keluarga si mati menuntut jenazah untuk dikebumikan mengikut upacara keagamaan Hindu, namun rakan si mati yang beragama Islam telah menjumpai surat pengesahan pengislaman yang dikeluarkan oleh JHEAIPP bersama si mati ketika kematiannya.

Lantaran itu, hal ini dilaporkan kepada MAIS aan setelah pembuktian pengislaman dilakukan, jenazah diuruskan secara Islam oleh pihak MAIS kerana si mati meninggal dunia di Selangor (Encik Mohd Noor Lee bin Abdullah Lee).

Selain itu, terdapat isu lain seumpama ini yang turut berlaku terhadap jenazah seorang SB lelaki berbangsa cina. Ekoran daripada perebutan di antara MAIS dan keluarga si mati, pihak MAIS menyabitkan pembuktian melalui penghantaran borang pendaftaran pengislaman ke Bahagian Forensik, Jabatan Kimia Negara (JKN) bagi mengesahkan tandatangan pada borang pendaftaran tersebut adalah milik si mati. Setelah pembuktian dapat dilakukan, si mati diurus dan dikebumikan secara Islam oleh pihak MAIS (Khairani Husin and Mohd Al Adib Samuri, 2014: 1)

Di samping itu, berlaku juga isu perebutan jenazah selepas upacara pengkebumian diselesaikan. Hal ini bermakna, pengutipan abu jenazah saudara baru dilakukan dan diuruskan secara Islam selepas disahkan si mati adalah seorang Islam. Di samping itu, isu perebutan jenazah Moorthy a/l Maniam merupakan isu popular yang menyokong isu-isu perebutan jenazah di MAIS. Hal yang demikian kerana, ia mendapat perhatian media dan masyarakat satu ketika dahulu.

Ketiga: Isu Permohonan Pembatalan Pendaftaran Pengislaman Anak-Anak di Bawah Usia 18 Tahun

Temu bual dengan pihak MAIS ering berhadapan dengan isu saudara baru seperti ini. Punca kepada berlakunya isu ini apabila suami atau isteri yang telah memeluk Islam, bertindak mengislamkan anak-anak mereka yang belum mencapai usia 18 tahun. Tambahan pula, ibu atau bapa yang telah Islam itu tidak mendapat hak penjagaan anak secara sah terlebih dahulu daripada pihak mahkamah. Ekoran itu, timbul rasa tidak puas hati daripada suami atau isteri yang bukan Islam. Justeru, mereka membuat permohonan untuk membatalkan pendaftaran pengislaman anak-anak memandangkan mereka turut mempunyai hak ke atas anak-anak tersebut.

Sehubungan itu, isu seperti ini yang mendapat hebahan daripada pihak media adalah isu Shamala, Subashini (Khairani Husin and Mohd Al Adib Samuri, 2014: 1) dan Indira Ghandi (Hussin Che Pa, nasrul Hisyam Nor Muhammad and Suahaimi Mustar, 2016).

Isu Shamala dan Subashini masing-masing berlaku di Selangor dan Kuala Lumpur lantas mendapat perhatian daripada masyarakat sekitar tahun 2004 hingga 2010.

Keempat: Isu Pendaftaran Menggunakan Maklumat Palsu

Isu ini telah berlaku di MAIS apabila seorang saudara baru yang bukan berstatus warganegara telah mendaftarkan pengislamannya menggunakan kad pengenalan yang dibeli melalui sebuah sindiket ketika memasuki Malaysia. Lantaran itu, perkara ini dapat dikesan oleh pihak berkuasa dan siasatan dilakukan dengan meneliti dan memeriksa setiap dokumen pendaftaran pengislaman saudara baru tersebut.

Kelima: Isu Pembahagian Harta Pusaka

Pendaftaran seseorang yang bukan Islam sebagai SB nyata memberi kesan kepada harta yang ditinggalkan selepas kematiannya. Justeru, setiap prosedur pendaftaran perlu dipatuhi agar perkara seumpama ini tidak berlaku. Sungguhpun begitu, pembahagian harta pusaka tetap menjadi masalah yang kompleks dalam kalangan SB.

Isu ini telah berlaku di Kuala Lumpur dan ianya nyata mendatangkan kesan terhadap pihak berwajib. Isu tersebut bermula apabila seorang saudara baru lelaki yang berkahwin dan bercerai dengan wanita Melayu telah kembali kepada agama asal tanpa membuat permohonan meninggalkan Islam mengikut prosedur yang sah. Semasa hayatnya, dia berkahwin buat kali kedua dengan wanita Hindu dan mempunyai anak hasil daripada perkahwinannya itu. Namun, dalam masa yang sama saudara baru tersebut juga mempunyai anak hasil daripada perkahwinan pertama bersama wanita Melayu sebelum ini. Selepas kematiannya, isteri dan anak-anak daripada perkahwinan kedua tidak boleh menuntut sebarang harta pusaka kerana si mati masih sah sebagai seorang Islam pada hari kematiannya. Justeru, harta pusaka hanya diberikan kepada waris hasil daripada perkahwinan pertama, iaitu anak-anak daripada pasangan Islam si mati.

Selain itu, terdapat isu popular yang mendapat liputan media berkenaan dengan penentuan harta pusaka. Iaitu, isu Isabela Madeline Roy (Khairani Husin and Mohd Al Adib Samuri, 2014).

Asalnya, Isabela berkahwin dengan suaminya kemudian si suami mendaftarkan pemeluk Islam secara rahsia tanpa pengetahuannya. Selepas pengislaman itu, suaminya berkahwin pula dengan wanita Melayu tanpa membubarkan perkahwinan pertama yang berstatus monogami. Selepas kematian suaminya, berlaku tuntutan harta pusaka daripada isteri yang beragama Islam.

Namun, pembahagian harta pusaka tidak boleh dilakukan kerana status perkahwinan si mati dengan Isabela masih berjalan memandangkan pembubaran perkahwinan tidak pernah dilakukan. Justeru, perkara ini memberi kesan kepada perkahwinan kedua si mati sekaligus menjadikan isteri dan anak-anak daripada perkahwinan kedua si mati tidak berhak ke atas pewarisan harta. Oleh yang demikian, harta peninggalan si mati hanya diberikan kepada keluarga Isabela sahaja.

Keenam: Isu Tuntutan Harta Sepencarian

Pengislaman turut memberi kesan ke atas pasangan suami isteri dalam menuntut harta sepencarian apabila berlaku penceraian. Sehubungan dengan itu, isu di antara Kung Lim Siew dan Choong Chee Kuan yang mendapat perhatian pada tahun 2003 merupakan isu popular lantas membuktikan pendaftaran pengislaman mendorong berlakunya isu ini.

Isu ini bermula apabila si suami, Choong Chee Kuan yang berbangsa Cina mengaku sebagai saudara baru tetapi merahsiakan pengislamannya sepanjang tempoh perkahwinan dengan Kung Lim Siew sejak tahun 1984. Hal ini bermakna, sebelum perkahwinan pasangan ini berlangsung, si suami telah memeluk agama Islam.

Perkara ini terbongkar apabila si isteri menuntut nafkah isteri dan anak-anak serta hak penjagaannya selepas pasangan ini tidak lagi tinggal bersama. Kemudiannya, si suami mengemukakan bukti pengislaman menerusi dokumen pendaftaran pengislaman daripada Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Sungguhpun si suami berjaya dibuktikan sebagai saudara baru, nafkah isteri dan anak-anak tetap perlu dilunaskan kerana ia merupakan tanggungjawab seorang suami. Tambahan pula, pengislaman si suami dianggap tidak sah kerana pengakuan tersebut semata-mata bertujuan untuk melepaskan tanggungjawab.

Jadual 1: Isu-Isu Saudara Baru yang Berkaitan dengan Pendaftaran Masuk Islam

Bi l	Isu-Isu Semasa Berkaitan PP-MaI SB
1	Isu penentuan status agama si mati
2	Isu perebutan jenazah
3	Isu permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak-anak di bawah usia 18 tahun
4	Isu pendaftaran menggunakan maklumat palsu
5	Isu pembahagian harta pusaka
6	Isu tuntutan harta sepencarian

b) Isu semasa yang berkaitan dengan permohonan meninggalkan Islam

Isu semasa saudara baru yang mempunyai kaitan dengan pentadbiran permohonan meninggalkan Islam dibahagikan kepada dua spesifikasi. Pertama, permohonan meninggalkan Islam atau murtad yang diluluskan permohonannya. Manakala yang kedua, permohonan meninggalkan Islam atau murtad yang tidak diluluskan. Kupasannya adalah seperti berikut:

Pertama: Isu permohonan meninggalkan Islam yang mendapat kelulusan

Hal ini menjadikan pendaftaran pengislaman saudara baru itu dibatalkan. Justeru, terdapat dua isu yang membenarkan saudara baru untuk kembali menganuti agama asal mereka. Isu yang dimaksudkan adalah isu murtad Fatimah Tan Abdullah dan isu murtad sebahagian golongan Orang Asal di negeri Sabah (Zanariah Dimon and Zaini Yusnita Mat Jusoh, 2014). Kedua-duanya merupakan isu popular yang telah mendapat perhatian daripada pihak media dan kecaknaan masyarakat tempatan.

Setelah meneliti isu kelulusan meninggalkan Islam bagi Fatimah Tan Abdullah, dokumen pengislaman yang dikemukakan untuk tujuan pembuktian sebagai saudara baru adalah sah. Di samping itu, pendaftaran pengislamannya juga lengkap dan mengikut prosedur yang telah digariskan.

Namun, dia atas sebab dan alasan tertentu, Fatimah dibenarkan untuk meninggalkan Islam meskipun perbuatan murtad merupakan satu kesalahan besar sekaligus ia tidak boleh diluluskan dan dijatuhkan di sisi Islam. Justeru, alasan pendaftaran pengislaman Fatimah dibatalkan dan permohonannya diluluskan adalah disebabkan perkahwinannya bersama seorang lelaki Islam yang bukan berstatus warganegara. Seterusnya, dia ditinggalkan selepas empat bulan berkahwin. Bagi isu murtad Orang Asal di negeri Sabah pula, pada asalnya mereka telah dilahirkan sebagai orang Islam.

Namun, mereka telah membuat permohonan untuk meninggalkan Islam dan permohonan tersebut memperolehi kelulusannya. Hal yang demikian kerana, mereka telah dilahirkan dalam keluarga yang berasal daripada saudara baru. Hal ini bermaksud, datuk atau nenek pemohon merupakan saudara baru. Kemudiannya, datuk atau nenek pemohon ini berkahwin dengan orang Islam yang tidak mengamalkan ajaran Islam. Justeru, ibu dan bapa pemohon juga tidak memahami dan mengenali berkenaan dengan ajaran Islam. Hal ini menjadikan pemohon berkedudukan lebih jauh daripada ajaran Islam berbanding dengan ibu, bapa, datuk dan neneknya. Tambahan pula, terdapat juga pemohon yang berkahwin dengan saudara baru lantaran culas berkenaan pemahaman terhadap ajaran Islam. (Pg Ismail Pg Musa and Siti Zubaidah Ismail, 2015). Bersandarkan alasan ini, ia menjadi sebab terhadap kelulusan permohonan meninggalkan Islam oleh Orang Asal di negeri Sabah. Ekoran itu, pendaftaran sebagai orang Islam adalah dilucutkan.

Kedua: Isu permohonan meninggalkan Islam yang tidak mendapat kelulusan

MAIS sering berhadapan dengan isu seumpama ini. Namun, permohonan untuk meninggalkan Islam dan membatalkan pendaftaran pengislaman saudara baru tidak diterima oleh pihak mahkamah syariah meskipun telah melalui proses pengesahan dokumen pendaftaran pengislaman. Hal yang demikian kerana, kebanyakan pemohon merupakan saudara baru yang berkahwin sama ada dalam tempoh yang lama atau sekejap kemudian bercerai dengan pasangan yang beragama Islam. Selain itu, terdapat juga permohonan meninggalkan Islam di atas sebab pembatalan perkahwinan bersama pasangan yang beragama Islam. Oleh yang demikian, adalah ditegaskan bahawa permohonan meninggalkan Islam seperti ini tidak sama sekali akan mendapat kelulusan.

Jadual 2: Isu-Isu Saudara Baru yang Berkaitan dengan Permohonan Meninggalkan Islam

Bil	Isu-Isu Semasa
1	Permohonan meninggalkan Islam/murtad yang diluluskan
2	Permohonan meninggalkan Islam murtad yang tidak diluluskan

c) Isu-Isu Semasa Saudara Baru: Analisis Terhadap Isu Pentadbiran Pendaftaran

Kewujudan isu semasa yang berkaitan dengan pendaftaran masuk dan permohonan meninggalkan Islam dikenalpasti melalui kelemahan dan kelompangan yang terdapat dalam sistem pendaftaran saudara baru. Kelemahan dan kelompangan tersebut dapat dibuktikan melalui proses penganalisan isu-isu semasa terhadap sistem pendaftaran saudara baru yang merangkumi SOP, pemantauan dan penyelarasan pendaftarannya. Justeru, kelemahan dan kelompangan tersebut dikenali sebagai isu pentadbiran pendaftaran sekaligus menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada berlakunya isu-isu dalam kalangan SB. Contohnya sepanjang tahun 2000 sehingga 2015 (Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Ahmad F. Yousif, Osman Chuah Abdullah, Marina Munira Abdul Mutalib, 2016:47-59).

Isu-isu SB ini dianalisis dan dihurai berpandukan lima elemen yang terdapat dalam sistem pentadbiran pendaftaran SB. Ianya adalah:

- 1) SOP pendaftaran masuk Islam.(SOP-PMaI)
- 2) SOP permohonan meninggalkan Islam.(SOP-PMeI)
- 3) Pemantauan pendaftaran masuk Islam.(PPMaI)
- 4) Pemantauan permohonan meninggalkan Islam.(PPMeI)
- 5) Penyelarasan pentadbiran pendaftaran saudara baru. (PPP-SB)

Tujuan isu-isu semasa dianalisis berpandukan lima elemen ini adalah kerana isu-isu tersebut berkongsi masalah pentadbiran yang sama. Justeru, perbincangan di bawah merupakan permasalahan pentadbiran yang timbul ekoran wujudnya isu semasa dalam kalangan SB.

Terdapat tiga perkara yang akan diberi perhatian dalam mengenalpasti kelemahan dan kelompangan yang terdapat dalam pentadbiran pendaftaran saudara baru (PP-SB).

Pertama, keenam-enam isu yang bersangkutan dengan pendaftaran masuk Islam dianalisis berteraskan kepada elemen SOP pendaftaran masuk Islam dan pemantauannya. Kedua, isu meninggalkan Islam atau murtad dianalisis berteraskan elemen SOP permohonan meninggalkan Islam dan pemantauannya. Manakala yang ketiga, isu-isu semasa yang meliputi isu pendaftaran masuk dan permohonan meninggalkan Islam dianalisis berteraskan elemen penyelarasan pentadbiran pendaftaran saudara baru.

Berikut merupakan enam isu pentadbiran pendaftaran yang telah dikenalpasti apabila isu-isu semasa saudara baru yang berkaitan dengan permohonan masuk dan meninggalkan Islam dianalisis dari aspek SOP dan pemantauan pendaftaran:

Isu PP-SB yang pertama: Proses dan Prosedur Pendaftaran yang Berbeza

Antara isu semasa yang dikenalpasti berada di bawah kategori masalah pentadbiran ini adalah isu penentuan status agama si mati, perebutan jenazah dan pendaftaran menggunakan maklumat palsu. Faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku adalah kerana borang pendaftaran yang digunakan dahulu hanya memerlukan maklumat pendaftaran yang bersifat asas. Perkara ini dapat dibuktikan apabila pengkaji mengenalpasti penambahbaikan pada borang pendaftaran yang telah dilakukan seperti penambahan maklumat dan butiran peribadi, cap jari saudara baru, dokumen sokongan dan penyaksian yang lebih ketat.

Selain itu, faktor kepada masalah ini juga boleh dikenalpasti melalui penambahbaikan sistem penyimpanan data daftar muallaf yang telah dibangunkan secara dalam talian. Di samping itu, tindakan tegas terhadap pindaan status agama pada kad pengenalan yang ditekankan pada hari ini juga menjadi salah satu faktor kepada masalah ini. Hal yang demikian kerana, tiada sebarang peraturan wajib untuk berbuat demikian pada proses dan prosedur dahulu. Maka, berdasarkan penerangan tersebut, jelas menunjukkan bahawa borang pendaftaran yang bersifat asas, penyimpanan daftar muallaf dan ketidaktegasan pindaan status agama pada kad pengenalan menjadi faktor kepada berlakunya masalah proses dan prosedur pendaftaran yang berbeza.

Isu PP-SB yang kedua: Kerahsiaan Memeluk Islam

Antara isu semasa yang dikenalpasti berada di bawah kategori masalah pentadbiran ini adalah isu perebutan jenazah, permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak-anak di bawah usia 18 tahun, pembahagian harta pusaka dan tuntutan harta sepencarian. Setelah penelitian dilakukan, keengganan saudara baru untuk meminda status agama selepas menyempurnakan pendaftaran pengislaman di jabatan agama Islam negeri-negeri merupakan salah satu faktor kepada masalah kerahsiaan ini. Hal ini boleh dikenalpasti apabila setiap saudara baru yang terlibat di dalam isu perebutan jenazah, pembahagian harta pusaka dan tuntutan harta sepencarian tidak meminda status agama dalam kad pengenalan dan terus kekal menggunakan kad pengenalan lama mereka.

Justeru, kerahsiaan pengislaman tersebut telah berlaku di antara saudara baru dan ahli keluarga mereka. Faktor seterusnya yang menyebabkan masalah ini berlaku adalah keculasan pihak pendaftar terhadap dokumen sokongan iaitu perintah hak penjagaan anak yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Ketidackaknaan terhadap dokumen sokongan ini menjadi punca ibu atau bapa yang telah Islam bertindak mengislamkan dan merahsiakan pengislaman anak-anak di bawah umur daripada pasangan mereka. Lantas perkara ini menjadi faktor kepada masalah kerahsiaan memeluk Islam (Khairani Husin and Mohd al Adib Samuri,2014)

Isu PP-SB ketiga: Pendaftaran Tidak Disempurnakan Mengikut Prosedur.

Antara isu semasa yang dikenalpasti berada di bawah kategori masalah pentadbiran ini adalah isu perebutan jenazah, pembahagian harta pusaka dan tuntutan harta sepencarian. Faktor yang dapat dikenalpasti bagi masalah ini adalah apabila tidak ada sebarang peraturan yang bersifat mengikat dalam menyelaraskan kewajipan terhadap pemindaan status agama pada kad pengenalan. Hal ini bermakna, keselarasan untuk mewajibkan pemindaan tersebut tidak diperuntukkan di dalam pelebagaan persekutuan kecuali setiap negeri berinisiatif untuk memperuntukkannya di dalam enakmen dan akta negeri masing-masing. Namun, tidak semua negeri terbuka untuk bertindak sedemikian. Maka, sebarang paksaan terhadap pindaan status agama tidak boleh dilakukan kerana perkara tersebut di anggap tidak diperundangkan.

Sehubungan dengan itu, perkara ini tidak boleh dilaksanakan di peringkat pentadbiran pendaftaran saudara baru. Sebaliknya, hanya nasihat yang boleh diberikan kepada saudara baru bagi menyempurnakan pendaftaran di peringkat JPN. Oleh itu, ketidakselarasan ini menjadi faktor kepada saudara baru untuk tidak menyempurnakan pendaftaran mengikut prosedur yang telah digariskan.

Isu PP-SB keempat: Pendaftaran Tidak Menepati Kehendak Prosedur.

Antara isu semasa yang dikenalpasti berada di bawah kategori masalah pentadbiran ini adalah isu permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak-anak di bawah usia 18 tahun. Hasil analisis mendapati bahawa faktor yang menjadi penyebab kepada permasalahan ini adalah pelanggaran terhadap syarat keberadaan kanak-kanak semasa proses pengislaman dilakukan. Secara jelasnya, Menurut Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia menyatakan bahawa kanak-kanak yang diislamkan tidak menjalani proses pensyahadahan seperti yang telah digariskan dalam SOP pendaftaran masuk Islam. Perkara ini adalah salah dan bertentangan dengan kehendak SOP.

Maka, faktor ini sekaligus mendorong timbulnya faktor lain iaitu menjadikan ibu atau bapa yang mengislamkan anak-anak mereka gagal mengemukakan dokumen sokongan sebagai tanda mendapat hak penjagaan anak yang sah daripada mahkamah. Hal yang demikian kerana, pengislaman kanak-kanak tersebut adalah dirahsiakan daripada ibu atau bapa yang masih kekal menganuti agama asal. Justeru, pendapat Islamnya anak-anak apabila Islamnya salah seorang daripada ibu atau bapa adalah tidak diakui kedudukannya. Ianya kerana, wujud percanggahan dengan SOP di samping pembuktian dokumentasi boleh dipertikaikan.

Isu PP-SB kelima: Tiada Pemantauan yang Rapi.

Antara isu semasa yang dikenalpasti berada di bawah kategori masalah pentadbiran ini adalah isu penentuan status agama si mati, isu perebutan jenazah, isu permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak-anak di bawah usia 18 tahun, isu pendaftaran menggunakan maklumat palsu, isu pembahagian harta pusaka dan isu tuntutan harta sepencarian.

Antara faktor yang mendorong permasalahan tersebut adalah langkah-langkah pemantauan yang sedia ada pada hari ini masih tidak ditambahbaik dan diimplementasikan secara lestari terhadap sistem pendaftaran pengislaman. Selain itu, masih tidak ada jawatan kuasa khas yang diwujudkan bagi menguruskan hal ehwal pendaftaran saudara baru dengan sistematik. Di samping itu, pengurusan dokumen pendaftaran yang tidak dijaga dengan cermat juga menjadi faktor kepada masalah ini. Hal ini dapat dilihat apabila perekodan daftar muallaf yang tidak diasingkan mengikut daerah dan kehilangan sebahagian borang pendaftaran akibat perpindahan pejabat pendaftaran. Seterusnya, peruntukkan dana yang kecil juga menjadi faktor kepada sistem pendaftaran pengislaman menjadi tidak rapi. Hal yang demikian kerana, setiap penambahbaikan memerlukan sejumlah perbelanjaan yang mencukupi bagi menjamin kelicinan sistem pentadbiran pendaftaran saudara baru.

Isu PP-SB yang keenam: Pengesahan Pendaftaran Pengislaman.

Antara isu semasa yang dikenalpasti berada di bawah kategori masalah pentadbiran ini adalah isu-isu permohonan meninggalkan Islam / murtad yang diluluskan dan tidak diluluskan permohonannya. Faktor utama yang menyebabkan masalah ini berlaku adalah apabila wujud permohonan untuk keluar Islam oleh saudara baru. Dalam konteks ini, faktor yang menjadi masalah kepada pengesahan pendaftaran adalah prosedur mahkamah. Hal yang demikian kerana, kelulusan untuk membatalkan pendaftaran pengislaman saudara baru bergantung kepada keputusan hakim syar'ie.

Justeru, pihak MAIS perlu mengemukakan bukti melalui semua dokumen yang terlibat semasa proses pendaftaran pengislaman dilakukan. Namun, pengemukakan bukti ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan kerana ia bersangkutan dengan proses dan prosedur pendaftaran yang berubah-ubah dari masa ke masa. Maka, perkara ini memberi kesan kepada penyabitan pembuktian sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan pada borang pendaftaran selain tidak ada cap jari saudara baru pada borang tersebut. Di samping itu, sebahagian saksi juga tidak dapat dihubungi ekoran syarat penyaksian masih belum diperketatkan. Tambahan pula, masalah juga timbul apabila dokumen sokongan masih tidak dikuatkuasakan lampirannya. Maka, hal ini menjadikan penyabitan pembuktian pengislaman menjadi lebih rumit.

Sehubungan dengan itu, jelas menunjukkan penerangan di atas menjadi faktor kepada masalah pengesahan pendaftaran pengislaman bagi saudara baru yang memohon untuk meninggalkan Islam. Maka, rentetan daripada setiap isu pendaftaran saudara baru telah mendorong berlakunya masalah berkenaan dengan pentadbiran pendaftaran.

Seterusnya, enam isu pendaftaran masuk Islam dan dua isu permohonan meninggalkan Islam dianalisis berdasarkan kepada elemen kelima sistem pentadbiran pendaftaran SB iaitu penyelarasan pentadbiran pendaftaran saudara baru (PPP-SB). Kemunculan isu yang berkaitan dengan pendaftaran SB sebenarnya memberi kesan kepada penyelarasan pentadbiran pendaftaran. Hal yang demikian kerana, setiap perjalanan kepada proses dan prosedur pendaftaran masuk dan permohonan meninggalkan Islam adalah tertakluk kepada kawalan penyelarasannya.

Menurut Penolong Pengarah JAWI menyatakan perjalanan pentadbiran pendaftaran saudara baru pula adalah tertakluk kepada enakmen dan akta di setiap negeri. Penggubalan terhadap enakmen dan akta yang berkaitan dengan pentadbiran pendaftaran saudara baru (pendaftaran masuk dan permohonan meninggalkan Islam) juga adalah tertakluk kepada keperluan semasa berdasarkan kepada kemunculan isu-isu dan permasalahan pentadbiran pendaftaran saudara baru.

Setelah diperinci dan diperhalusi, permasalahan pentadbiran yang wujud daripada isu-isu yang telah berlaku dalam kalangan SB membuktikan bahawa tiada penyelarasan yang baik diterapkan ke atas pentadbiran pendaftaran SB. Lebih membimbangkan lagi, ketidakselarasan mengundang isu pentadbiran yang sama berulang pada masa akan datang. Justeru, usaha menyelaras terus dilakukan mengikut faktor keperluan pendaftaran dan masa yang semakin mendesak selari dengan kemunculan isu-isu yang semakin berkembang. Tambahan pula, tiada keselarasan yang boleh dicapai di antara negeri-negeri berkenaan dengan perkara ini.

Maka, ia mendorong berlakunya kelompangan dan kelonggaran di dalam penyelarasan pentadbiran pendaftaran saudara baru. Hal yang demikian kerana, pentadbiran dan perundangan mempunyai sifat yang saling mengikat lantas ia perlu diseiringkan. Justeru, keseiringan tersebut akan membawa kepada sebuah penyelarasan dalam pentadbiran pendaftaran saudara baru.

Tindakan MAIS sebagai badan pelaksana mengadakan mesyuarat bersama dengan ahli bahagian badan perundangan di setiap negeri berkenaan dengan pemindaan peruntukkan perundangan dan hal ehwal pentadbiran pendaftaran saudara baru merupakan langkah penyelarasan pentadbiran pendaftaran serta penambahbaikan terhadapnya. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan perjalanan pendaftaran saudara baru menepati keperluan dan karenah pentadbiran pendaftaran masa kini di samping tidak melebihi spesifikasi peruntukkan perundangan.

Maka, isu-isu yang berlaku dalam kalangan SB nyata memberi kesan terhadap penyelarasan pentadbiran kerana pada asasnya fungsi penyelarasan adalah mengawal setiap aktiviti pendaftaran masuk dan permohonan meninggalkan Islam berdasarkan peruntukkan enakmen dan akta di setiap negeri. Secara tidak langsung, isu-isu ini mendorong berlakunya perubahan terhadap penyelarasan pentadbiran pendaftaran saudara baru.

Jadual 3: Ringkasan Faktor-Faktor yang Menyebabkan Berlakunya Isu Pentadbiran Pendaftaran Saudara Baru

Bil	Isu / Masalah Pentadbiran	Isu-Isu Semasa	Faktor-Faktor Permasalahan
1	Proses dan prosedur pendaftaran yang berbeza.	i. Isu penentuan status agama si mati. i. Isu perebutan jenazah. ii. Isu pendaftaran menggunakan maklumat palsu.	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat dalam borang pendaftaran yang ringkas • Sistem daftar muallaf tidak secara dalam talian . • Tiada penegasan kepada pindaan status agama dalam kad pengenalan.
2	Kerahsiaan memeluk Islam.	i. Isu perebutan jenazah. i. Isu permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak-anak di bawah usia 18 tahun. ii. Isu pembahagian harta pusaka. iii. Isu tuntutan harta sepencarian.	<ul style="list-style-type: none"> • Keengganan meminda status agama pada kad pengenalan. • Keperluan terhadap dokumen sokongan.
3	Pendaftaran tidak disempurnakan mengikut prosedur.	i. Isu perebutan jenazah. i. Isu pembahagian harta pusaka. ii. Isu tuntutan harta sepencarian.	<ul style="list-style-type: none"> • Kewajipan pindaan status agama pada kad pengenalan tidak diselaraskan di seluruh negara.

Sambungan jadual 3

4	Pendaftaran tidak menepati kehendak prosedur.	i. Isu permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak-anak di bawah usia 18 tahun.	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak membawa kanak-kanak semasa proses pendaftaran masuk Islam dilakukan. • Tidak mengemukakan dokumen sokongan semasa mengislamkan kanak-kanak di bawah umur.
5	Tiada pemantauan yang rapi.	i. Isu penentuan status agama si mati. ii. Isu perebutan jenazah. iii. Isu permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak-anak di bawah usia 19 tahun. iv. Isu pendaftaran menggunakan maklumat palsu. v. Isu pembahagian harta pusaka. vi. Isu tuntutan harta sepencarian.	<ul style="list-style-type: none"> • Masih tiada penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran pendaftaran saudara baru. • Tiada lantikan AJK yang khusus dalam menguruskan hal ehwal pendaftaran saudara baru. • Pengurusan dokumen pendaftaran tidak dijaga dengan cermat. • Tiada peruntukkan dana yang mencukupi.
6	Pengesahan pendaftaran pengislaman.	i. Isu-isu permohonan meninggalkan Islam yang diluluskan dan tidak diluluskan.	<ul style="list-style-type: none"> • Wujud permohonan untuk keluar Islam / murtad oleh saudara baru. Permohonan bersangkutan dengan prosedur mahkamah. Penyabitkan pembuktian pengislaman sukar untuk dilakukan kerana ia berkaitan dengan isu dokumentasi.

Cadangan Penyelesaian Isu dan Faktor Komplikasi Pentadbiran Pendaftaran Saudara Baru

Berdasarkan kepada isu pentadbiran pendaftaran yang telah dibincangkan, sebahagian daripada faktor yang menyebabkan isu tersebut telah pun dikaji kelemahannya oleh pihak MAIS. Malah, langkah-langkah penambahbaikan telah pun dilakukan sebelum kajian ini diperkajikan. Penambahbaikan tersebut adalah relevan serta selari dengan kehendak dan keperluan semasa.

Sungguh pun begitu, setelah meneliti pengaplikasian pentadbiran sistem pendaftaran saudara baru di MAIS, masih terdapat beberapa kelompangan yang perlu diperbaiki bagi menjamin kelestarian perjalanan sistem pendaftaran ini secara berterusan pada masa akan datang. Justeru, pengkaji akan mengupas mengenai cadangan penyelesaian terhadap faktor yang menyebabkan berlakunya isu berkaitan dengan pentadbiran pendaftaran saudara baru.

Cadangan penyelesaian yang pertama adalah MAIS seharusnya ‘Menggunakan Sistem Pendaftaran Secara Dalam Talian dengan Sepenuhnya’. Sungguh pun sistem pendaftaran saudara baru di MAIS telah ditambahbaik selari dengan perkembangan semasa, namun pelaksanaannya masih menggunakan kaedah manual iaitu penggunaan borang pendaftaran. Kaedah ini sememangnya memberi risiko kepada kehilangan dan kerosakkan terhadap borang tersebut. Malah, perkara ini telah berlaku terhadap sebahagian besar borang pendaftaran saudara baru akibat daripada perpindahan pejabat dan jangka masa penyimpanan borang yang agak lama.

Maka, pengkaji mencadangkan agar pendaftaran saudara baru dilakukan secara dalam talian dengan sepenuhnya. Pengkaji berpendapat sistem pendaftaran secara dalam talian adalah lebih komprehensif kerana ia mampu memudahkan urusan pendaftaran. Hal ini dapat dilihat melalui pengurangan kegunaan kertas dan menjimatkan ruang penyimpanan di samping boleh mengurangkan penggunaan sistem pemfailan.

Selain itu, sistem ini juga mampu memudahkan pihak MAIS dalam menyabitkan pembuktian pengislaman dalam isu permohonan murtad. Sungguh pun maklumat saudara baru direkodkan menerusi daftar muallaf secara dalam talian menggunakan sistem *IMuallaf*, pembuktian secara dokumentasi tetap perlu dilakukan kerana pendaftaran masuk Islam dilakukan secara manual. Proses pembuktian melalui dokumentasi adalah sesuatu yang rumit memandangkan terdapat sebahagian borang pendaftaran yang telah hilang dan rosak.

Selain itu, perbezaan prosedur pendaftaran dahulu dan sekarang juga mendorong proses pembuktian menjadi lebih kompleks. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat langkah penambahbaikan perlu diambil dengan menambahbaik sistem pendaftaran secara manual kepada sistem pendaftaran secara dalam talian.

Tujuannya adalah untuk memudahkan proses pembuktian dan pengesahan pengislaman saudara baru. Justeru, semua perkara yang bersangkutan dengan borang pendaftaran seperti maklumat peribadi, cap jari, tandatangan, penyaksian dan dokumen sokongan boleh diakses dengan lebih cepat dan pantas. Di samping itu, ia juga dapat menjimatkan masa sepanjang proses pembuktian dan pengesahan pengislaman saudara baru dijalankan.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan agar pihak MAIS menyelaraskan cadangan ini selari dengan enakmen perundangan negeri Selangor agar pembuktian yang di simpan melalui pendaftaran dalam talian boleh di terima oleh pihak mahkamah syariah sekiranya timbul isu yang berkaitan dengan pentadbiran pendaftaran saudara baru seperti isu permohonan murtad dan bantahan pendaftaran pengislaman anak-anak di bawah umur.

Cadangan penyelesaian yang kedua adalah 'Penambahan Dokumen Sokongan'. Sungguh pun MAIS telah menggariskan syarat dokumen sokongan sebagai salah satu keperluan dan kehendak SOP pendaftaran, pengkaji mendapati masih terdapat dokumen sokongan lain yang perlu ditambahbaik. Justeru, dokumen sokongan yang dimaksudkan adalah dokumen pembubaran perkahwinan sivil yang dikeluarkan secara sah oleh pihak mahkamah.

Hal yang demikian kerana, berdasarkan kepada hasil kajian temubual dan dokumentasi, informan tidak menyatakan sebarang keperluan terhadap dokumen pembubaran perkahwinan sivil. Maka, pengkaji mendapati perkara ini perlu ditambahbaik kerana isu pembahagian harta pusaka dan tuntutan harta sepencarian menimbulkan masalah kerahsiaan dalam pemeluk Islam. Apabila masalah tersebut diperhalusi, pengkaji berpendapat bahawa dokumen pembubaran perkahwian sivil sudah menjadi satu keperluan dalam penambahbaikan terhadap SOP pendaftaran pengislaman. Hal yang demikian kerana, cadangan ini boleh mengurangkan masalah kerahsiaan dalam urusan pentadbiran pendaftaran. Dalam masa yang sama, ia juga boleh mengekang dari meninggalkan kesan kepada waris berkenaan dengan pembahagian harta pusaka. Ketidakkukuhan bukti dan dokumen pendaftaran secara tidak langsung mengundang kerugian kepada pihak waris kerana ia menyebabkan harta pusaka tidak boleh di tuntutan walaupun si mati adalah sah sebagai seorang Islam. Maka, adalah jelas ketiadaan dokumen sokongan menjadi faktor kepada masalah kerahsiaan. Justeru, cadangan ini adalah wajar untuk dipertimbangkan oleh pihak MAIS agar isu seperti ini mampu dikekang untuk terus berlaku pada masa akan datang.

PENUTUP

Sebagai penutupnya, isu-isu yang berkaitan dengan pentadbiran pendaftaran saudara baru di MAIS telah dikenalpasti dan dihurai kelemahannya melalui analisis terhadap SOP pendaftaran masuk dan permohonan meninggalkan Islam serta pemantauan dan penyelarasannya. Sungguh pun sistem pendaftaran saudara baru yang sedia ada pada hari ini adalah praktikal dan selari dengan keperluan dan kehendak semasa, namun ia bukanlah satu jaminan untuk menghalang isu-isu semasa daripada terus berulang dalam kalangan saudara baru. Justeru, sistem pendaftaran memerlukan penambahbaikan dari masa ke masa untuk berhadapan dengan isu-isu semasa yang sering berlaku seperti isu permohonan murtad, pertikaian pendaftaran pengislaman anak-anak, penentuan status agama si mati, perebutan jenazah, tuntutan harta pusaka dan harta sepencarian serta pendaftaran menggunakan maklumat palsu.

PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan terimakasih kepada semua agensi Islam yang terlibat dalam kajian ini iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA).

RUJUKAN

- Halimahton Shaari, Ngu Teck Hua, and V Raman. "Covering Race and Religion: The Moorthy and Nyonya Tahir Cases in Four Malaysian Newspapers." *Kajian Malaysia* 14, no. 1&2 (2006): 185-201.
- Mohd Faridh Hafez, MO and Sharifah Hayaati Syed Ismail. (2016). "Sumbangan Organisasi Cina-Muslim dalam Keharmonian Beragama di Malaysia: Tinjauan terhadap Peranan dan Cabaran PERKIM & MACMA", In Nor Raudah Hj Siren (Eds), *Isu-isu Dakwah dan Golongan Minoriti*. (pp. 1-27).Kuala Lumpur:Akademi Pengajian Islam.
- Hussin Che Pa, Nasrul Hisyam Nor Muhammad, and Suahaimi Mustar. "Bidang Kuasa Eksklusif Mahkamah Syariah Selepas Pindaan Perkara 121(1a) Perlembagaan Persekutuan: Satu Penilaian." *Malaysian Journal of Syariah and Law* 3 (2016).
- Khairani Husin, and Mohd al Adib Samuri. "Kerahsiaan Kemasukan Islam: Isu Undang-Undang Kes Pemelukan Islam Saudara Baru Di Malaysia." *Jurnal Undang-Undang Malaysia* 26, no. 1 (2014): 1-25.
- Pg Ismail Pg Musa, and Siti Zubaidah Ismail. "Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Sabah." *Jurnal Syariah* 23, no. 1 (2015): 53-78.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy (2018). "Managing New Muslims: Understanding issues and challenges in Malaysia, A Literature Review", In Akmal Khuzairy Abd Rahman (et.al), *Contemporary Issues in Islamic Thought* (pp. 21-46).Kuala Lumpur :IIUM Press

Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Ahmad F. Yousif, Osman Chuah Abdullah, Marina Munira Abdul Mutalib. "Studies on Inter-Faith Relations: Latest Input for Authority Management Review (AMR) in Malaysia". *Journal of Religious & Theological Information*. Volume 15, Issue 1-2. (2016) :47-59

Zanariah Dimon, and Zaini Yusnita Mat Jusoh. "Pengesahan Status Agama Di Mahkamah Syariah: Satu Sorotan." Kertas kerja persidangan dibentangkan di 1st International Research and Innovation Conference Proceeding 2014 (INSAN 2014), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, Kajang Selangor, 17-18 November 2014.

Senarai Responden Temubual

Responden A (Eksekutif Unit Pengurusan Rekod Muallaf Bahagian Pendaftaran Muallaf Sektor Pembangunan Sosial Majlis Agama Islam Selangor MAIS). Temubual bersama pengkaji (8 Ogos 2017).

Responden B (Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Dakwah Cawangan Saudara Baru Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur JAWI). Temubual bersama pengkaji (22 Ogos 2017).

Responden C (Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia MACMA). Temubual bersama pengkaji (22 Mei 2018).